

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Rasuah tiada ampun: Dr. M

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberitahu Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Sembilan, beliau tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk rasuah.

Ketegasan beliau itu juga disampaikan kepada semua kerajaan negeri yang lain.

Perdana Menteri mahu setiap Exco Kerajaan Negeri Sembilan menjalankan amanah rakyat dengan tekun dan dedikasi untuk kepentingan rakyat negeri itu.

Beliau juga tidak mahu sebarang perkara yang tidak sihat dan kurang bersih berlaku di kalangan Ahli Exco.

"Setiap Exco perlu mematuhi hasrat kerajaan bersih, cekap dan amanah," tegasnya.

Nasihat

"Setiap Exco kerajaan negeri hendaklah melaksanakan harapan dan hasrat rakyat sejajar dengan slogan cekap, bersih dan amanah," tegas Perdana Menteri ketika bertemu dengan Exco-exco negeri itu di pejabatnya di bangunan Parlimen di sini tengah hari ini.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Encik Megat Junid Megat Ayub berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir telah mengadakan perjumpaan dari hati ke hati selama sejam dengan Menteri Besar dan lapan Exco negeri tersebut.

Beliau berkata, Perda-

na Menteri juga mahu hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri dijalin dengan baik agar sebarang masalah yang timbul dapat diatasi dengan mudah dan baik.

Menurutnya, dengan wujudnya persefahaman antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri maka sudah tentu tidak wujud sebarang masalah untuk melaksanakan projek pembangunan di negeri itu.

Megat Junid juga memberitahu, Perdana Menteri menasihatkan setiap Exco menjalankan kerja dengan tekun mengikut tanggungjawab masing-masing.

"Perdana Menteri tidak mahu sebarang perkara yang tidak sihat dan kurang bersih berlaku di kalangan anggota Exco.

"Setiap Exco perlu mematuhi hasrat kerajaan bersih, cekap dan amanah," katanya.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Encik Mohd. Isa bin Datuk Abdul Samad, dan Ahli-ahli Exco terdiri dari Mohd. Salleh Haji Hashim (Hal-ehwal Agama), Hajah Khatimah binti Haji Ibrahim (Kebajikan Am).

Dr. San Kong Seng (Kerajaan Tempatan), Encik M. Muthupalanippan (Kerja Raya dan Perhubungan), Haji Khalid Yunus (Pertanian), Encik Wong See Wah (Elektrik dan Air), Haji Ismail Kamat dan Dr. Ramli Ujang.

Menurut Megat Junid, selain dari menasihati Ahli-ahli Exco berkenaan, Datuk Seri Dr. Mahathir juga dapat bermesra dengan mereka di samping menjalinkan hubungan baik.

Dengan demikian, Datuk Seri Dr. Mahathir berharap setiap Exco akan memahami tugas masing-masing tanpa ragu-ragu untuk membuat keputusan yang baik bagi kepentingan rakyat.